

22 NOV 2002

Norian-Amaran (Bergambar)

POLIS AKAN DAPATKAN MAKLUMAT LANJUT DRPD KEDUTAAN AMERIKA

SUBANG, 22 Nov (Bernama) -- Polis akan mendapatkan maklumat lanjut dengan menghubungi Kedutaan Amerika Syarikat hari ini berhubung amaran Washington bahawa Malaysia akan menjadi sasaran serangan bom seperti yang berlaku di Bali, Indonesia bulan lepas.

Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai berkata: "Kalau mereka ada maklumat, saya fikir mereka bertanggungjawab memberikan maklumat itu kepada kita supaya tindakan yang perlu dapat diambil."

Bagaimanapun, katanya, pada pandangan beliau amaran itu tidak berasas.

Amerika mempunyai intepretasi sendiri berhubung rantau ini namun polis yang mengendalikan urusan keselamatan di sini yakin bahawa tidak ada ancaman sedemikian, katanya kepada pemberita semasa ditemui selepas menghantar Perdana Menteri Datuk Seri Dri Mahathir Mohamed yang berlepas ke Paris di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini.

Rabu lepas, Amerika memberi amaran bahawa serangan seperti di Bali yang mengorbankan kira-kira 200 orang, mungkin terjadi di negara Asia Tenggara lain termasuk Malaysia.

"Saya berkeyakinan kawalan kita di Sabah bersama pihak tentera sudah cukup bagi menjamin keselamatan di kawasan itu," kata Norian.

Ditanya kemungkinan pengebom insiden di Bali melarikan diri ke Malaysia, beliau berkata: "Saya tidak fikir begitu sebab daripada maklumat yang kita terima dari Polis Indonesia, semua mereka (yang terlibat) masih berada di sana dan ketuanya, Imam Samudera sudah ditangkap."

Beliau juga berkata Malaysia mempunyai hubungan yang rapat dengan polis Indonesia dan sekiranya ada maklumat sedemikian, beliau yakin sudah pasti pihaknya akan dimaklumkan.

-- BERNAMA

AZH CS MFJ RON